

# Kita bukan meminta sedekah: PM Malaysia mahu dagangan adil, saksama

KUALA LUMPUR, Khamis — Malaysia adalah negara yang masih kuat berpegang kepada usaha mempertingkatkan perdagangan dan bukan meminta sedekah.

Membidas negara-negara perindustrian utama yang hanya mementingkan diri sendiri, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, tindakan manipulasi nilai mata wang tanpa mengambil kira kesan kepada negara-negara membangun dan enggan memelihara peraturan-peraturan baru ekonomi antarabangsa telah memburukkan lagi perdagangan dunia.

## Iri hati

Katanya, tindakan negara-negara itu menyebabkan Malaysia terpaksa menanggung imbalan perdagangan yang berat sebelah.

Perdana Menteri berkata, Malaysia bukan iri hati tetapi apa yang diharapkan ialah kegiatan dagangan yang adil dan saksama.

“Walaupun mereka bertindak demikian, kita tetap tidak meminta sedekah sekalipun keadaan ekonomi lembap. Kita berpegang kepada usaha mempertingkatkan perdagangan dan apa yang diperlukan ialah satu kegiatan yang adil dan saksama,” jelas beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata demikian ketika berucap merasmikan mesyuarat tahunan bersama Persatuan Ekonomi Malaysia-Jepun (Majeca)/Persatuan Ekonomi Jepun-Malaysia (Jameca) di sini.

Perdana Menteri berkata, kejatuhan harga bukannya secara tidak sengaja dan bukan juga satu pusingan fenomena, tetapi pemulihan semula harga itu mempunyai kaitan rapat dengan dasar-dasar ekonomi yang begitu berkuasa.

Tambahnya, idea peraturan baru ekonomi antarabangsa kini tidak lagi terpelihara dan sebab utama mempengaruhi tindakan itu ialah sifat mementingkan diri sendiri.

“Saya berharap sifat demi-

kian dikurangkan. Malahan manipulasi nilai mata wang tanpa mengambil kira kesan kepada negara membangun memburukkan lagi perdagangan dunia,” katanya.

Katanya, Malaysia sebagai sebuah negara kecil tidak boleh bertindak seperti zaman dahulu di mana kesukaran mendapatkan dagangan dan pasaran boleh membawa kepada berlakunya peperangan kerana masih ada jalan lain yang tidak membawa mudarat kepada kehidupan manusia sejagat.

## Bertindak

Beliau berkata, sesebuah pasaran boleh hilang bukan sahaja melalui kemiskinan tetapi juga jika, semata-mata kerana keperluan dan memilih untuk menganggotai satu puak yang lain.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Malaysia tidak akan menuju ke arah itu jika boleh negara berazam untuk berdikari dan ia akan berjaya kalau “tidak ditolak jatuh setiap kali apabila cuba hendak bangun.